


PETA DAERAH MUAR



PROFAIL DAERAH MUAR

: PROFAIL DAERAH :

1. LUAS :

Daerah Muar (18 Mukim) :	486,001 Ekar (196,675 Hektar)
Daerah Kecil Tangkak (1 Mukim) :	93,783 Ekar (37,952 Hektar)
Jumlah	579,784 Ekar (234,627 Hektar)

MUKIM-MUKIM	EKAR	HEKTAR
a) Mukim Tangkak (I)	93,783	37,952
b) Mukim Serom (II)	29,608	11,982
c) Mukim Kesang (III)	9,185	3,717
d) Mukim Bukit Kepong (IV)	62,854	25,436
e) Mukim Bukit Serampang (V)	47,297	19,140
f) Mukim Lenga (VI)	71,041	28,749
g) Mukim Sungai Raya (VIII)	9,734	3,939
h) Mukim Sungai Terap (IX)	5,248	2,124
i) Mukim Jalan Bakri (X)	12,958	5,254
j) Mukim Bandar (XI)	7,169	2,901
k) Mukim Parit Bakar (XII)	9,536	3,859
l) Mukim Parit Jawa (XIII)	17,530	7,094
m) Mukim Sri Menanti (XIV)	22,208	8,987
n) Mukim Sungai Balang (XV)	24,192	9,790
o) Bandar Maharani (XVI)	2,560	1,036
p) Mukim Grisek (XIX)	50,843	20,575
q) Mukim Jorak (XX)	60,327	24,413
r) Mukim Air Hitam (XXI)	29,312	11,862
s) Mukim Kundang (XXII)	14,399	5,827
	579,784	234,627

SUMBER: PEJABAT TANAH DAERAH MUAR

SENARAI KEDUDUKAN TANAH-TANAH REZAB MELAYU
DI DAERAH MUAR

Bil.	Mukim	Kedudukan	Luas (ekar)
1.	Lenga	Lenga	13,970
2.	Ayer Hitam	Bukit Naning	15,360
3.	"	Tanah Merah	3,880
4.	Jorak	Pendendan	6,380
5.	"	Kampong Raja	4,435
6.	Sungei Terap	Temiang	565
7.	"	Sungei Terap	1,325
8.	Bukit Kepong	Bukit Kepong	14,000
9.	Grisek	Panchor	4,450
10.	"	Parit Bilah	1,950
11.	"	Bukit Gambir	7,740
12.	"	Ulu Ring	5,460
13.	"	Parit Raja	4,760
14.	Parit Bakar	Parit Raja	1,662
15.	"	Parit Pinang Seribu	3,840
16.	Kesang	Kesang	1,525
17.	"	Tanjong Gading	2,865
18.	Parit Jawa	Parit Jawa	5,150
19.	Serom	Serom	6,506
20.	Kundang	Telok Rimba	5,774
21.	Bkt. Serampang	Kundang Ulu	9,280
22.	"	Durian Chondong	5,450
23.	Bandar	Parit Propok	2,870
24.	Tangkak	Kampong Sagil	1,640
25.	"	Solok	630
26.	"	Bukit Banjar	540
27.	"	Tangkak	1,740

Jumlah besar keluasan : 133,747

SENARAI KEDUDUKAN HARTA-HARTA

YANG DITADBIR OLEH AGENSI KERAJAAN DI DAERAH MUAR

BIL.	NAMA RANCNGAN GSA	MORIM	LUAS (HEKAR)	JUMLAH PESERTA	JUMLAH HAK MILIK YANG TELAH DI- KELUARKAN	JUMLAH HAK MILIK YANG BELUM DI- KELUARKAN
1.	Jorak Fringe Development Scheme	Jorak	1,074	219	219	-
2.	Gek Kia	Bkt. Serampang	935	215	125	90
3.	Jorak St. 9, Panchor	Jorak	65	13	13	-
4.	Sungai Meda	Bkt. Kepong	372	55	55	-
5.	Geweh	Tangkak	485	95	70	25
6.	Durian Chondong II	Bkt. Serampang	252	42	42	-
7.	Durian Chondong III	Bkt. Serampang	429	71	71	-
8.	Kebun Baru III	Bkt. Serampang	778	129	109	20
9.	Sungai Chegoh	Bkt. Kepong	3,000	477	-	477
10.	Kampong Tui	Bkt. Kepong	2,556	337	150	187
11.	Tanah Merah	Air Hitam	1,295	203	181	22
12.	Durian Chondong II (Sambungan)	Bkt. Serampang	179	28	28	-
13.	Anak Air Kangkong	Tangkak	243	27	23	4
 PELDA						
1.	Parit Haji Idris	Grisek	267	54	54	-
2.	Batu 27 Lenga	Lenga	2,413	216	216	-
3.	Sri Jaya	Bkt. Serampang	4,092	408	237	171
4.	Sri Ledang	Bkt. Serampang	4,184	335	-	315
 FELCRA						
1.	Kebun-Baru I	Bkt. Serampang	750	96	96	-
2.	Kebun-Baru II	Bkt. Serampang	1,157	130	-	130
3.	Paya Kepar	Bkt. Kepong	1,121	118	-	118
4.	Projek Serom 4	Serom	80	40	40	-
5.	Paya Redan	Lenga	304	34	40	-
6.	Sq. Labis Ulu I	Bkt. Kepong	1,810	189	-	189
7.	Sq. Labis Ulu II	Bkt. Kepong	3,165	400	-	400
8.	Parit Kassan	Grisek	75	25	-	-
9.	Kuodang Ulu	Bkt. Serampang	3,513	280	-	280
 JUMLAH						

SUMBER: PEJABAT TANAH DAERAH MUAR

CONTOH PERJANJIAN
DI ANTARA PIHAK FELDA DENGAN PENEROKA



SURAT PERJANJIAN

ANTARA

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

DAN

(NO. PENEROKA: _____)

PESERTA RANCANGAN KEMAJUAN TANAH

PERJANJIAN dibuat pada haribulan tahun
19 ANTARA LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN, sebuah badan berkanun yang di tubuhkan
di bawah Undang-undang Kemajuan Tanah No. 20/1956 dan mempunyai pejabat berdaftar di Jalan Maktab, Kuala
Lumpur (kemudian daripada ini disebut "FELDA") bagi satu pihak dan
..... Nombor Kad Pengenalan beralamat

(kemudian daripada ini disebut "Peneroka") bagi pihak yang satu lagi:

BAHAWASANYA FELDA bercadang hendak memajukan sebidang tanah yang dinamakan Rancangan Kemajuan
Tanah FELDA (kemudian daripada ini disebut "Kawasan Rancangan") di Daerah
..... dalam Negeri mengikut aturan-aturan Undang-undang
Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda oleh Undang-undang Tanah
(Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) (Pindaan) 1965 (kemudian daripada ini disebut "Undang-undang
tersebut");

DAN BAHAWASANYA FELDA mungkin mengikuti aturan-aturan Undang-undang tersebut membenarkan dan
berhajat membenarkan mana-mana orang yang pada pendapat FELDA berkelayakan untuk memiliki sebahagian atau
bahagian-bahagian Kawasan Rancangan (samada batangan-bahagian yang dibelah bagi atau tidak dibelah bagi);

DAN BAHAWASANYA bagi maksud menentukan samada atau tidak seseorang itu berkelayakan sebagaimana
yang tersebut diatas, FELDA akan memilih mana-mana orang yang mungkin ditentukan untuk menduduki dan
menjalankan kerja-kerja yang diarahkan oleh FELDA di dalam Kawasan Rancangan;

DAN BAHAWASANYA bagi maksud yang tersebut di atas FELDA telah memilih Peneroka untuk menduduki
dan menjalankan kerja-kerja yang tersebut di atas di dalam Kawasan Rancangan;

MAKA DI SINI ADALAH DIPERSETUJUI bagaimana dibawah ini: -

1. FELDA membenarkan Peneroka, dan Peneroka bersetuju duduk bermastautin bersama-sama keluarganya di dalam Kawasan Rancangan itu dengan tertakluk kepada cara-cara dan syarat-syarat sebagaimana yang terkandung selepas ini.
2. Peneroka mestilah dengan tekun dan sedaya upayanya mengerjakan Kawasan Rancangan mengikut perentah-perentah dan arahan yang mungkin dikeluarkan oleh FELDA, dan menjalankan tugas-tugas dan kewajipan sebagaimana yang dikehendaki untuk memajukan Kawasan Rancangan.
3. Bagi maksud tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang tersebut diatas Peneroka tidak akan meminta FELDA membayar apa-apa upah, gaji atau bayaran-bayaran wang kepadanya kecuali dan melainkan biaya hidup dan pinjaman yang mungkin diberi kepadanya oleh FELDA dari masa kesemasa sebagaimana yang ditentukan kemudian ini kelak.
4. Peneroka tidak akan menditikkan apa-apa bangunan di dalam mana-mana bahagian Kawasan Rancangan yang diuntukkan kepadanya oleh FELDA kecuali rumah kediaman sahaja dan kecuali dengan kebenaran dan keizinan FELDA terlebih dahulu.
5. Peneroka akan dari masa kesemasa menjalankan, mengikut arahan-arahan FELDA atau wakil-wakil yang dilantiknya, kerja-kerja menjaga yang diperlui, membaja, menanam semula atau membuat kerja-kerja yang dikehendaki di Kawasan Rancangan.
6. Peneroka tidak boleh menjual, memindah milik atau dengan jalan lain melepaskan hakmiliknya diatas alat-alat, baju, benda-benda kimia dan apa-apa barang-barang yang lain yang dibekalkan oleh FELDA kepada Peneroka untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipannya sebagaimana yang dikehendaki untuk memajukan Kawasan Rancangan.
7. Peneroka bersetuju bahawa dalam masa Kawasan Rancangan dimajukan iaitu sehingga genapnya satu tahun kelender selepas keseluruhan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil, segala pendapatan daripada jualan susu getah, sekrap pokok, getah kental sebelum bekru dan sekrap yang dikeluarkan dari Kawasan Rancangan akan digunakan untuk membayar supaya dikurangkan perbelanjaan memajukan Kawasan Rancangan dan tanggongan-tanggongan Peneroka kepada FELDA mengikut Perjanjian ini.
8. Peneroka akan patuh kepada mana-mana peraturan dan perentah yang dibuat oleh FELDA dari masa kesemasa dan undang-undang kecil yang dibuat di bawah Undang-undang tersebut sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa; dan jika Peneroka melanggar peraturan atau perentah atau undang-undang kecil tersebut, atau tidak menjalankan mana-mana tanggongjawab yang terkandung dalam Perjanjian ini, FELDA adalah berhak berkehendakkan Peneroka dan keluarganya meninggalkan Kawasan Rancangan dengan serta merta atau mengambil tindakan yang lebih rengan daripada itu dimana sesuai, dan Peneroka akan patuh kepada apa-apa keputusan yang dibuat oleh FELDA.
9. Jika sekiranya FELDA berpendapat memandang kepada kelakuan dan perangai Peneroka atau kelakuan dan

perangsi seseorang dari keluarganya yang tinggal bersama-sama di dalam Kawasan Rancangan, Peneroka tidak layak untuk terus tinggal dan mengambil bahagian di dalam kerja memajukan Kawasan Rancangan atau jika sekiranya dengan adanya dia atau keluarganya disitu menghalang pembangunan Kawasan Rancangan secara tenteram dan teratur, FELDA boleh berkehendakkan Peneroka dan keluarganya meninggalkan Kawasan Rancangan dan Peneroka mestilah menerima keputusan FELDA sebagai muktamad dan akan serta merta meninggalkan Kawasan Rancangan bagaimana yang dikehendaki.

10. Adaia dengan tegasnya dipersetujui oleh Peneroka bahawa jika sekiranya ianya dikeluarkan dari Kawasan Rancangan kerana melanggar aturan-aturan Perjanjian ini atau syarat-syarat penerapan peneroka, FELDA tiada akan membayar apa-apa pampasan kepada Peneroka, melainkan pampasan yang mungkin dibayar mengikut seksyen 23 Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960, sebagaimana dipinda dari masa kesemasa.

11. Setelah Perjanjian ini ditandatangani, FELDA akan menguntukkan kepada Peneroka sebahagian Kawasan Rancangan lebihkurang $\frac{1}{4}$ ekar sebagai lot rumah, dengan sebuah rumah yang siap dibina diatasnya.

12. Bagi maksud memajukan Kawasan Rancangan, FELDA akan membayar kepada Peneroka biaya hidup sekurang-kurangnya bagi kerja selama lapan jam sehari. Bagi maksud membolehkan Peneroka mendapat biaya hidup yang mencukupi tiap-tiap bulan, FELDA akan dengan seberapa boleh memberi jaminan yang Peneroka akan mendapat kerja sekurang-kurangnya 25 hari dalam sebulan. Sekiranya FELDA tiada boleh mengadakan 25 hari kerja sebulan kepada Peneroka seperti yang tersebut diatas FELDA akan memberi kepada Peneroka bayaran sekurang-kurangnya sebanyak sehari dengan syarat Peneroka bersetuju bekerja dalam apa-apa projek ekonomi yang diluluskan oleh FELDA KECUALI jumlah bilangan hari kerja yang mungkin diberi itu tidak lebih daripada perbezaan diantara 25 hari kerja yang dijanjikan oleh Felda untuk Peneroka, dan bilangan hari kerja yang dapat FELDA mengadakannya.

13. Jika sekiranya Peneroka uzur atau tidak dapat kerja selama yang dijamin oleh FELDA mengikut Fasal 12, FELDA akan memberi kepada Peneroka pinjaman persendirian sebanyak sehari KECUALI pinjaman persendirian yang diberi tidak lebih daripada perbezaan diantara jumlah wang yang boleh didapati oleh Peneroka sebulan jika ia bekerja selama 25 hari dan biaya hidup yang diperolehi oleh Peneroka bagi bulan itu dan KECUALI jumlah pinjaman persendirian yang diberi itu tidak lebih daripada sebulan.

14. Jika pada akhir satu tahun kelender selepas keseluruhan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil, kerja yang dibuat oleh Peneroka didapati memuaskan dan Peneroka tiada melanggar apa-apa cara dan syarat Perjanjian ini, FELDA akan mengikat satu perjanjian lagi dengan Peneroka dengan cara-cara dan syarat-syarat yang ditentukan dalam naskah tambahan yang dikembangkan disini dan ditandakan "Lampiran A" (kemudiannya disebut "Perjanjian Tambahan")

15. Apabila Perjanjian Tambahan ditandatangani, FELDA akan mendaftarkan Peneroka sebagai seorang penduduk yang akan dikurniakan surat Hakmilik bagi satu kawasan yang diukur seluas lebihkurang ekar daripada Kawasan Rancangan yang ditanam dengan pokok getah dan lebihkurang $\frac{1}{4}$ ekar daripada Kawasan Rancangan untuk lot rumah.

16. Peneroka dengan tegasnya bersetuju bahawa untuk membayar kembali pinjaman persendirian yang diberi dibawah Fasal 12 dan 13 dalam Perjanjian ini dan untuk mengira bayaran-bayaran tahunan yang disatukan dan lain-lain bayaran yang dikenakan ke atas Peneroka mengikut syarat-syarat Perjanjian Tambahan, penyaht yang disediakan oleh FELDA atau Pegawai yang diberi kuasa oleh FELDA mengenai jumlah wang itu, adalah muktamad dan tidak boleh ditakwil lagi (kesilapan dan ketinggalan dikecualikan).

17. Jika ada soal atau perselisihan berbangkit antara pihak-pihak yang berkenaan disini atau wakil mereka masing-masing mengenai Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya atau bentuk susunannya atau hak-hak, kewajipan-kewajipan atau tanggongjawab-tanggongjawab dibawah ini atau apa-apa perkara lain yang berbangkit daripada atau berhubung dengannya, pihak-pihak yang mengikat Perjanjian ini bersetuju merujukkan perkara ini kepada timbangantara Menteri yang bertanggongjawab bagi FELDA, dan rujukan tersebut adalah disifatkan sebagai penyerahan kepada timbangantara mengikut aturan-aturan Undang-undang Timbangantara, 1950 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa dan Menteri tersebut berlakuh menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada penimbang-antara-penimbangantara oleh Undang-undang tersebut dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri adalah muktamad.

SEBAGAI MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI pihak-pihak yang mengikat Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada tarikh dan tahun yang tertulis diatas tadi.

DITANDATANGANI oleh
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
di hadapan:

DITANDATANGANI oleh
di hadapan:

PERJANJIAN dibuat pada haribulan 19
ANTARA LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dibawah
Undang-undang Kemajuan Tanah No. 20/1956 dan mempunyai pejabat berdaftar di Jalan Maktab, Kuala Lumpur
(kemudian daripada ini disebut "FELDA") bagi satu pihak dan

Nombor Kad Pengenalan beralamat
..... (kemudian daripada ini disebut "Peneroka") bagi pihak
yang satu lagi:

BAHAWASANYA mengikut Perjanjian yang dibuat antara FELDA dengan Peneroka pada
haribulan 19 FELDA telah membenarkan Peneroka menduduki tanah yang dinamakan Rancangan FELDA
(kemudian daripada ini disebut "Kawasan Rancangan") di Daerah
dalam Negeri mengikut aturan-aturan Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Pencemparan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda oleh Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) (Pindaan) 1965, selepas ini disebut "Undang-undang tersebut."

DAN BAHAWASANYA adalah juga ditentukan dalam Perjanjian itu bahawa jika pada akhir genapnya satu tahun kelender selepas keseluruhan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil, kerja-kerja yang dibuat oleh Peneroka didapati memuaskan dan Peneroka tiada melanggar cara-cara dan syarat-syarat Perjanjian yang tersebut dahulu, FELDA akan mengikat satu Perjanjian dengan cara-cara dan syarat-syarat seperti yang tersebut kemudian daripada ini dan akan mendaftarkan Peneroka sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik bagi satu kawasan yang diukur dalam Kawasan Rancangan itu seluas lebih kurang ekar ditanami dengan pokok getah dan satu kawasan seluas lebih kurang $\frac{1}{4}$ ekar untuk lot rumah.

DAN BAHAWASANYA setelah tamat tempoh tersebut, FELDA mendapat kerja-kerja yang dibuat oleh Peneroka menguaskan dan Peneroka tidak melanggar cara-cara dan syarat-syarat Perjanjian yang tersebut dahulu.

OLEH ITU DENGANINI ADALAH DIPERSETUJUKAN seperti yang tersebut dibawah ini:

1. Dengan pertimbangan cara-cara dan syarat-syarat yang ternyata kemudian daripada ini, FELDA selepas ditandatangani Perjanjian ini akan mendaftarkan Peneroka sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik mengikut seksyen 12(1) dalam Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa bagi satu kawasan seluas lebih kurang ekar dalam Kawasan Rancangan yang bertanam dengan pokok getah dan satu kawasan seluas lebih kurang $\frac{1}{4}$ ekar dalam Kawasan Rancangan untuk lot rumah KECUALI FELDA, dengan mendaftarkan Peneroka sebagai seorang yang kelak dikurniakan surat Hakmilik sebagaimana yang tersebut diatas, tidak boleh dianggap pada masa pendaftaran itu, sebagai menguntukkan mana-mana kawasan kepada Peneroka mengenai kawasan lebih kurang ekar yang bertanam dengan pokok getah itu.

2. Peneroka bersetuju bahawa selagi belum selesai dibayar semua bayaran-bayaran tahunan yang disatukan dan semua pinjaman persendirian yang diberikan kepada oleh FELDA dan selagi pentadbiran Kawasan Rancangan belum diserahkan oleh FELDA kepada Kerajaan Negeri, kawasan-kawasan yang mana dia daftarkan sebagai penduduk yang kelak dikurniakan sura. Hakmilik menurut Fasal I Perjanjian ini mestilah diurus dan ditadbirkan oleh FELDA.

3. Peneroka akan membayar kepada FELDA bayaran tahunan yang disatukan yang sepatutnya dibayar kepada FELDA dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang dikenakan dibawah Undang-undang tersebut dan terhadap bayaran itu FELDA adalah berhak membuat potongan-potongan sebagaimana yang dilikirkan patut olehnya daripada hasil jualan susu getah, getah beku, sekera pokok, getah kental sebelum beku dan sekera yang dikeluarkan dari Kawasan Rancangan bahagian Peneroka. Bayaran tahunan yang disatukan akan dikira mengikut perbelanjaan yang dikeluarkan (dan faedah atasnya) oleh FELDA bersabit dengan:-

- (a) memajukan Kawasan Rancangan (lain daripada kawasan-kawasan yang diintukkan kepada Peneroka dan peneroka-peneroka yang lain untuk lot-lot rumah) hingga pada akhir genapnya satu tahun kelender selepas keseluruhan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil;
- (b) memajukan lot-lot rumah yang diintukkan kepada Peneroka dan peneroka-peneroka yang lain dan pembinaan rumah masing-masing diatasnya; dan
- (c) lemak tanah, cukai tahunan, harga batu sempadan dan belanja upah ukur.

Bayaran tahunan yang disatukan yang mesti dibayar oleh Peneroka ialah sebahagian daripada jumlah besar bayaran tahunan yang disatukan yang dikenakan atas Kawasan Rancangan. Bayaran itu adalah seimbang dengan bahagian kawasan-kawasan yang mana Peneroka daftarkan sebagai penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik

(mengandungi kawasan seluas ekar ditanam dengan pokok getah dan lebih kurang 1/4 ekar lot rumah) apabila dibandingkan dengan jumlah luas Kawasan Rancangan.

4. Peneroka akan juga membayar balik kepada FELDA pinjaman-pinjaman persendirian yang telah didahulukan kepadanya dari masa kesemasa, serta dengan faedahnya, dan apa-apa bayaran lain yang berkaitan dengannya, dan terhadap bayaran-bayaran itu FELDA adalah berhak membuat potongan tambahan daripada hasil jualan susu getah, sekrap pokok, getah kental sebelum beku dan sekrap yang tersebut dalam Fasal 3 dalam Perjanjian ini.

5. Bayaran-bayaran dan bayaran-bayaran balik yang dikehendaki dibuat oleh Peneroka kepada FELDA menurut Fasal 3 dan 4 Perjanjian ini bersama-sama dengan faedah atasnya diikira dengan kadar: peratus setahun, akan dibuat dalam seratus lapan puluh bayaran ansur yang sama banyak pada tiap-tiap bulan dan bayaran yang pertama dimulakan pada 1 haribulan 19 Kadar potongan-potongan itu adalah diikira mengikut aturan-aturan dalam Jadual Pertama dalam Perjanjian ini. Jika pendapatan bulanan Peneroka setelah ditolak tanggungan tanggongannya kepada FELDA melebihi pendapatan minima yang ditetapkan oleh FELDA maka Peneroka boleh dikehendaki membuat bayaran kembali bulanan tambahan dan kadar bayaran kembali tambahan itu akan ditentukan oleh FELDA dari masa kesemasa.

6(1) Peneroka, mulai daripada 1 haribulan 19 selain daripada itu akan membayar kepada FELDA bahagianya mengenai perbelanjaan-perbelanjaan pengusahaan yang dikeluarkan oleh FELDA atas Kawasan Rancangan Bahagian Peneroka yang mana ia telah didaftarkan sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik menurut Fasal 1 Perjanjian ini, dan mengenai bayaran itu FELDA boleh membuat potongan lagi daripada hasil jualan yang tersebut dalam Fasal 3 Perjanjian ini. Dalam Fasal ini, kalimah "bahagianya mengenai perbelanjaan-perbelanjaan yang dikeluarkan oleh FELDA" bermakna bahagianya mengenai perbelanjaan-perbelanjaan tersebut diikira secara mengira bahagianya mengenai bayaran tahunan yang disatukan yang dikenakan dibawah Fasal 3 Perjanjian ini.

(2) Selain daripada bayaran tersebut diatas Peneroka akan juga membayar kepada FELDA bayaran-bayaran seperti berikut: -

- (a) bayaran insuran ladang dan insuran rumah;
- (b) bayaran kenaikan harga;
- (c) bayaran harga barang-barangan yang dihulu oleh Perbadanan Kedai-Kedai Felda;
- (d) caruman kepada Tabung Pembangunan Peneroka;
- (e) caruman kepada lain-lain Tabung Kebajikan atau Tabung simpanan yang ditubuhkan oleh FELDA dari masa kesemasa yang mana Peneroka menyertainya;
- (f) lain-lain perbelanjaan atau pendahuluan yang Peneroka berhutang kepada FELDA;

dan mengenai bayaran-bayaran ini FELDA boleh membuat potongan daripada hasil jualan tersebut dalam Fasal 3 perjanjian ini.

7. Sekiranya pada tarikh yang disebutkan dalam Fasal 5 dan 6(1) di atas, penyata kira-kira hutang peneroka dan jadual tetap bayaran kembali belum sedia untuk menentukan jumlah bayaran-bayaran yang dikehendaki dibuat oleh peneroka kepada FELDA, peneroka akan membayar bayaran-bayaran itu berdasarkan kepada angka sementara yang ditentukan oleh FELDA dan apa-apa perbezaan di antara angka-angka bayaran sementara dan bayaran tetap yang sebenar akan dimasukkan dalam kira-kira peneroka berkenaan apabila jadual tetap bayaran kembali disediakan kelak.

8. (1) Jika sekiranya berlaku penceraian diantara peneroka dan isterinya yang telah bersama memajukan tanah (yang mana peneroka didaftarkan sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik) sehingga tanah itu mengeluarkan hasil, peneroka bersetuju membayar sebanyak lima puluh peratus (50%) dari nilai jumlah Bayaran Kembali yang telah dijelaskannya kepada FELDA sehingga tarikh penceraian berlaku. Takrif "Bayaran Kembali" ialah hutang kembali serta faedah yang dihayar kepada FELDA tidak termasuk:

- (a) Bayaran tahunan yang disatukan yang dibayar kepada Kerajaan Negeri;
- (b) Bayaran penyelenggaraan;
- (c) Bayaran caruman Simpanan Tanaman Semula;
- (d) Bayaran caruman Insuran Ladang dan Insuran Rumah.

(2) Bayaran boleh dibuat secara sekali gus atau secara ansuran. Jika bayaran dibuat secara ansuran, bayaran tersebut akan dipotong dari pendapatan peneroka tidak kurang dari \$50.00 dan tidak melebihi dari \$150.00 sebulan, atau kadar lain yang akan ditentukan oleh FELDA dari masa kesemasa.

9. Peneroka akan menjual semua susu getah, getah beku, sekrap pokok, getah kental sebelum beku dan sekrap yang dikeluarkan daripada kawasan-kawasan yang mana ia telah didaftarkan sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik menurut Fasal 1 dalam Perjanjian ini (selain daripada kawasan yang disebut dalam Fasal ini sebagai kawasan lot rumah) kepada sebuah kilang yang ditetapkan oleh FELDA dan, bersabit dengan ini, ia hendaklah menerima harga yang ditetapkan bagi satu-satu bulan oleh FELDA.

Harga yang ditetapkan oleh FELDA tersebut adalah berdasarkan kepada harga purata yang diterima oleh FELDA bagi getah dalam bulan yang berkenaan, setelah dibuat potongan-potongan berikut: -

- (a) perbelanjaan memproses dan menyimpan susu getah, sekrap pokok, getah kental sebelum beku dan sekrap;

- (b) perbelanjaan pengangkutan dari rancangan ke Kilang;
- (c) perbelanjaan mendirikan dan pengurusan pusat mengumpul susu getah;
- (d) perbelanjaan pemasaran;
- (e) perbelanjaan pentadbiran.

10. Peneroka tiada boleh tanpa kebenaran FELDA terlebih dahulu memberarkan orang selain daripada keluarganya mendukti atau bekerja dalam mana-mana bahagian dalam Kawasan Rancangan dengan sebab ia telah didaftarkan sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik dalam Kawasan Rancangan itu, selagi bayaran tahunan yang disatukan masih terpaksa dibayar kepada FELDA dan pentadbiran rancangannya belum diserahkan oleh FELDA kepada Kerajaan Negeri.

11. Jika sekiranya Peneroka uzur dan tidak berdaya hendak mengerjakan Kawasan Rancangan, Peneroka dengan ini bersetuju iaitu FELDA bolehlah mengupah buruh sambilan bagi pihak Peneroka untuk bekerja dalam Kawasan Rancangan umumnya atau dibahagian Peneroka khasnya, dan belanja buruh itu akan dimasukkan ke dalam kira-kira wang Peneroka dan akan dipotong belanja itu daripada jualan hasil-hasil yang disebut dalam Fasal 3 Perjanjian ini seolah-olah belanja-belanja tersebut ialah satu pinjaman yang didahului kepada Peneroka.

12. Peneroka akan patuh kepada aturan-aturan seksyen 17 dalam Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagai mana yang dipinda dari masa kesemasa iaitu:-

- (a) Kawasan Rancangan, lain daripada bahagian atau bahagian yang digunakan untuk tempat kediaman sahaja oleh Peneroka dan oleh mana-mana peneroka lain dalam Kawasan Rancangan, mestilah ditanam dengan sepenuhnya dengan tanaman-tanaman yang sesuai yang ditentukan oleh FELDA dan kemudian daripada itu hendaklah dijaga pada setiap masa dan ditanam mengikut peraturan-peraturan pertanian yang baik;
- (b) tanaman-tanaman, selain daripada tanaman-tanaman yang sesuai yang ditentukan oleh FELDA, tiada boleh ditanam pada bila-bila masa dalam Kawasan Rancangan (termasuk mana-mana kawasan tertentu yang diuntukkan kepada mengikut Fasal 22 dalam Perjanjian ini);
- (c) bahagian Kawasan Rancangan yang mengandungi lot rumah yang mana Peneroka telah didaftarkan sebagai penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik, tiada boleh digunakan oleh Peneroka untuk mendirikan apa-apa bangunan kecuali satu bangunan yang bersama-sama dengan sambungan-sambungannya digunakan senantiasa sebagai rumah kediaman oleh Peneroka;
- (d) Peneroka tiada akan mendirikan sebarang bangunan didalam kawasan yang dikhaskan untuk kegunaan pertanian.

13. Peneroka tidak boleh menjual, memindah miiek atau lengan jalan lain melepaskan hak miliknya diatas alat-alat, baju, benda-benda kimia dan apa-apa barang-barang yang lain yang dibekalkan oleh Felda kepada Peneroka untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipannya sebagai mana yang dikehendaki untuk memajukan Kawasan Rancangan.

14. Peneroka adalah bertanggungjawab atas sebarang kerrosakan yang timbul dari penggunaan jalan lalu lintas mengikut seksyen 18 dalam Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagai mana yang dipinda dari masa kesemasa dan jika berlaku sebarang perselisihan mengenai jumlah bayaran yang diwajibkan itu, taksiran yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah adalah muktamad.

15. Bagi menjalankan tugas-tugas yang tersebut dalam Fasal 12 dalam Perjanjian ini, Peneroka jika dikehendaki, mestilah membuat semua atau mana-mana tugas yang tersebut dibawah ini:-

- (a) menerangkan sempadan-sempadan Kawasan Rancangan mengikut sebarang arahan daripada Pegawai-pegawai Uruk atau Pegawai Penempatan atau Pengurus FELDA;
- (b) menjalankan dari masa kesemasa mengikut sebarang arahan Pengurus FELDA, kerja-kerja menjaga yang perlu, membaja, menanam semula, memungut hasil atau mana-mana kerja lain yang dikehendaki dijalankan dalam Kawasan Rancangan.

16. Adalah menjadi satu syarat bagi pendaftaran Peneroka sebagai penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik mengikut Fasal 1 dalam Perjanjian ini bahawa jika pihak Peneroka tiada menjelaskan bayaran tahunan yang disatukan atau mana-mana bayaran dan potongan yang tersebut dalam Fasal 3, 4, 5 & 6 dalam Perjanjian ini, dia mestilah disifatkan sebagai melanggar syarat-syarat Perjanjian ini dan syarat-syarat pendudukan Kawasan Rancangan dan dengan sebab itu aturan-aturan seksyen 22 dalam Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 yang dipinda seperti tersebut diatas, akan dikenakan kepada Peneroka dan ahli-ahli keluarganya.

17. Peneroka hendaklah patuh kepada semua peraturan-peraturan dan perentah-perentah dan undang-undang kecil yang dibuat dibawah Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagai mana yang dipinda dari masa kesemasa; dan jika Peneroka melanggar peraturan-peraturan dan perentah-perentah atau undang-undang kecil atau tiada menjalankan mana-mana tanggongjawab-tanggongjawab yang terkandung didalam Perjanjian ini, FELDA adalah berhak berkehendakkan Peneroka dan semua ahli keluarganya meninggalkan Kawasan Rancangan atau mengambil tindakan yang lebih ringan daripada itu yang mana sesuai dan Peneroka akan patuh kepada apa-apa keputusan FELDA berkenaan dengan hal itu.

18. Jika sekiranya FELDA berpendapat memandang kepada kelakuan dan perangai Peneroka atau kelakuan dan perangai seseorang dari keluarganya yang tinggal bersamanya didalam Kawasan Rancangan, Peneroka itu tidak layak untuk terus tinggal dan mengambil bahagian didalam kerja memajukan Kawasan Rancangan atau dengan adanya dia dan keluarganya disitu menghalang pembangunan di Kawasan Rancangan secara tenteram dan teratur, FELDA boleh

berkehendakkan Peneroka dan keluarganya meninggalkan Kawasan Rancangan; dan Peneroka dengan ini bersetuju mematuhi kehendak-kehendak FELDA yang demikian dan mestilah dengan serta merta meninggalkan Kawasan Rancangan bagaimana yang dikehendaki.

19. Adalah dengan tegasnya dipersetujui oleh Peneroka bahawa jika ia dikehendaki meninggalkan Kawasan Rancangan mengikut Fasal 16, 17 atau 18 dalam Perjanjian ini, FELDA tiada akan membayar apa-apa pampasan kepada Peneroka, kecuali pampasan yang boleh dibayar menurut seksyen 23 Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa.

20. Jika sekiranya Peneroka meninggal dunia sebelum ia menjelaskan semua wang yang ia dikehendaki membayar balik mengikut Perjanjian ini maka bahagian atau bahagian-bahagian daripada Kawasan Rancangan yang ia telah didaftarkan sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik atau yang telah diberikan hakmilik kepadaannya mengikut Fasal 22, hendaklah diwariskan mengikut aturan-aturan seksyen 16 dalam Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa; dan bagi maksud itu taksir bahagian atau bahagian-bahagian yang diwariskan itu mestilah harga bahagian atau bahagian-bahagian itu waktu Peneroka meninggal dunia yang dikira mengikut Jadual Kedua Perjanjian ini.

21. Peneroka tiada boleh memindahkan Hakmilik atau mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian Kawasan Rancangan yang ia telah didaftarkan sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik atau yang telah diberikan kepadaannya mengikut Fasal 22 dalam Perjanjian ini kecuali mengikut aturan-aturan seksyen 24 Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa, dan jika pindah hakmilik itu diluluskan mengikut aturan-aturan seksyen itu, pampasan yang boleh dibayar kepada Peneroka sebagai seorang pemindah hakmilik oleh seorang penerima pemindahan hakmilik itu adalah sebanyak jumlah wang yang dikira mengikut Jadual Kedua Perjanjian ini.

22. Setelah Peneroka membayar semua wang yang dia dikehendaki membayarnya mengikut Perjanjian ini, FELDA mestilah menyerahkan balik kepada Kerajaan Negeri satu kawasan yang lebih kurang ekar ditanam dengan pokok getah dan satu kawasan yang lebih kurang $\frac{1}{4}$ ekar lot rumah yang mana Peneroka telah didaftarkan sebagai penduduk yang akan dikurniakan surat Hakmilik dan pada masa penyerahan tersebut diatas, FELDA akan mengesyurkan kepada Kerajaan Negeri supaya bahagian-bahagian yang mana Peneroka telah didaftarkan sebagai penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik sebagaimana yang tersebut diatas dikurniakan kepada Peneroka dengan cara pajak selama tidak kurang daripada 99 tahun tertakluk kepada apa-apa syarat khas dan bayaran cukai tahunan yang akan dikenakan oleh Kerajaan Negeri berhubung dengan pengusahaan tanah itu.

23. Walaupun kawasan-kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 22 Perjanjian ini telah diberi surat Hakmilik, Peneroka bersetuju bahawa semua susu getah, sekrap pokok, getah kental sebelum beku dan sekrap yang dikeluarkan dari kawasan-kawasan tersebut akan terus dijual kepada kilang atau kepada pembeli-pembeli sebagaimana yang ditetapkan oleh FELDA DENGAN SYARAT kilang atau pembeli-pembeli berkenaan tidak diharuskan membeli mana-mana hasil getah yang tiada sama mutunya dengan mutu yang boleh diterima oleh FELDA.

24. Jika ada soal perselisihan berbangkit antara pihak-pihak yang berkenaan disini atau wakil-wakil mereka masing-masing mengenai Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya atau bentuk susunannya atau hak-hak, kewajipan-kewajipan atau tanggongjawab-tanggongjawab itu dibawah ini atau apa-apa perkara lain yang berbangkit daripada atau berhubung dengannya, pihak-pihak yang mengikat Perjanjian ini bersetuju merujukkan perkara itu kepada timbangantara Menteri yang bertanggongjawab bagi FELDA dan rujukan tersebut adalah disifatkan sebagai penyerahan kepada timbangantara mengikut aturan-aturan Undang-undang Timbangantara, 1950 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa dan Menteri tersebut berhak menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada penimbangantara-penimbangantara oleh Undang-undang tersebut dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri adalah muktamad.

SEBAGAI MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI pihak-pihak yang mengikat perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada tarikh dan tahun yang bertulis diatas tadi.

DITANDATANGANI oleh
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
di hadapan:

DITANDATANGANI oleh
di hadapan:

JADUAL PERTAMA

(Fasal 5 Perjanjian Tambahan)

Potongan Bulanan Yang Dikenakan Di Peringkat Rancangan

1. Perbelanjaan Pembangunan Kawasan Pertanian

$$\frac{PP \times L \times FT}{JK \times 12} \text{ sebulan}$$

- PP – Jumlah perbelanjaan Pembangunan hingga pada akhir genapnya satu tahun kelender selepas keseluahan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil termasok perbelanjaan memajukan lot rumah serta dengan faedah sebanyak% setahun dikenakan atas jumlah yang terkumpul tiap-tiap tahun hingga akhir genapnya satu tahun kelender selepas keseluahan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil.
- L – Jumlah luas ekar tanah getah dan lot rumah bagi seorang Peneroka.
- ** FT – Faktor tahunan untuk bayaran baiik bagi pinjaman \$1.00 termasuk Pokok dan Faedah atas kadar.....% setahun untuk dibayar balik dalam tempoh 15 tahun.
- JK – Jumlah luas kawasan perengkat + Jumlah luas kawasan lot rumah.

2. Pinjaman Persendirian

$$\frac{PS \times FT}{12} \text{ sebulan}$$

- PS – Jumlah Pinjaman Persendirian, termasuk wang tunai, perkakas dan harga rumah.
- FT – Faktor tahunan untuk bayaran baiik bagi pinjaman \$1.00 termasuk Pokok dan Faedah atas kadar.....% setahun untuk dibayar balik dalam tempoh 15 tahun.

3. Baagian Kerajaan Negeri

Premium	+ Jumlah cukai bagi tempuh TP tahun	+ Bayaran Ukur	+ Harga batu semпадan	sebulan
	180			

Peringatan:

- TP – Tempuh tahun semenjak Kawasan Rancangan mula dimajukan hingga ke tarikh Peneroka mula membuat bayaran kembali yang dinyatakan dalam Fasal 5 Perjanjian ini campur 15 tahun iaitu tempuh bayaran kembali dilaksanakan.

Yang diatas ialah lebih kurangekar tanah pertanian dan lebih kurang 1/4 ekar lot rumah.

Jumlah 1, 2 dan 3 ialah banyak potongan tiap-tiap bulan dibawah JADUAL ini.

JADUAL KEDUA

(Fasal 20 dan 21 Perjanjian Tambahan)

Pampasan yang dibayar mengenai penyerahan yang diluluskan kepada orang yang menyerahkan hak milik

Pampasan hanya boleh diluluskan dari tahun bayaran pinjaman dimulakan hingga ke akhir tempuh membayar balik pinjaman.

Rayaran dikira mengikut kiraan berikut:-

$$(V - X + R) \times \frac{N}{30}$$

Peringatan:

- V - Harga pasaran bagi maksud pertanian ditaksirkan pada masa penyerahan diluluskan.
- X - Perbelanjaan memajukan kawasan pertanian dan kawasan lot rumah dan perbelanjaan membina rumah termasuk faedah yang terkumpul dan bayaran kepada Kerajaan Negeri iaitu seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3(a), (b) dan (c) Perjanjian ini.
- R - Jumlah yang telah dibayar kembali oleh Peneroka hingga kemasa penyerahan diluluskan.
- N - Bilangan tempuh tiap-tiap 6 bulan Peneroka telah membayar kembali pinjaman (dikira hingga ke setengah tahun iaitu angka yang paling dekat sekali).



SURAT PERJANJIAN

ANTARA

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

DAN

(NO. PENEROKA: _____)

PENEROKA RANCANGAN KEMAJUAN TANAH

PERJANJIAN dibuat pada haribulan tahun 19 ANTARA LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSKUTUAN, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dibawah Undang-undang Kemajuan Tanah No. 20/1956 dan mempunai pejabat berdaftar di Jalan Maktab, Kuala Lumpur (kemudian daripada ini disebut "FELDA") bagi satu pihak dan Nombor Kad Pengenalan beralamat (kemudian daripada ini disebut "Peneroka") bagi pihak yang satu lagi:

BAHAWASANYA FELDA bercadang hendak memajukan sebidang tanah yang dinamakan Rancangan FELDA (kemudian daripada ini disebut "Kawasan Rancangan") di Daerah dalam Negeri mengikut aturan Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda oleh Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) (Pindaan) 1965 (kemudian daripada ini disebut "Undang-undang tersebut"):

DAN BAHAWASANYA FELDA mungkin mengikut aturan-aturan Undang-undang tersebut memberankan dan herhajat membenarkan mana-mana Syarikat Kerjasama atau ahli-ahlinya yang pada pendapat Lembaga berkelayakan untuk memiliki sebahagian atau bahagian-bahagian Kawasan Rancangan:

DAN BAHAWASANYA bagi maksud merentukan samada atau tidak seseorang itu berkelayakan sebagaimana yang tersebut diatas. FELDA akan memilih mana-mana orang yang mungkin ditentukan untuk menduduki dan nienjalankan kerja-kerja yang diarahkan oleh FELDA didalam Kawasan Rancangan:

DAN BAHAWASANYA bagi maksud yang tersebut diatas FELDA telah memilih Peneroka untuk menduduki dan menjalankan kerja-kerja yang tersebut diatas didalam Kawasan Rancangan:

MAKA DISINI ADALAH DIPERSETUUI bagaimana dibawah ini:—

1. FELDA memberarkan Peneroka, dan Peneroka bersetuju duduk bermastautin bersama-sama keluarganya didalam Kawasan Rancangan dengan teriklui kepada cara-cara dan syarat-syarat sebagaimana yang terkandung selepas ini.

2. Peneroka mestilah dengan tekun dan sedaya upayanya mengerjakan Kawasan Rancangan mengikut perentah-perentah dan arahan yang mungkin dikeluarkan oleh FELDA, dan nienjalankan tugas-tugas dan kewajipan sebagaimana yang dikehendaki untuk memajukan Kawasan Rancangan.

3. Bagi maksud tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang tersebut diatas Peneroka tidak akan meminta FELDA membayar apa-apa upah, gaji atau bayaran-bayaran wang kepada kecuali dan melainkan biaya hidup dan pinjaman yang mungkin diberi kepadanya oleh FELDA dari masa kesesama sebagaimana yang ditentukan kemudian ini kelak.

4. Peneroka tidak akan mendirikan apa-apa bangunan didalam mana-mana bahagian Kawasan Rancangan yang diuntukkan kepadanya oleh FELDA kecuali rumah kediaman sahaja dan kecuali dengan kebenaran dan keizinan FELDA terlebih dahulu.

5. Peneroka akan dari masa kesesama menjalankan, mengikut arahan-arahan FELDA atau wakil-wakil yang dilantiknya, kerja-kerja menjaga yang diperlui, membaja, menanam semula atau membuat kerja-kerja yang dikehendaki di Kawasan Rancangan.

6. Peneroka tidak boleh menjual, memindah milek atau dengan jalan lain melepaskan hakmiliknya diatas alat-alat, baja, benda-benda kimia dan apa-apa barang-barang yang lain yang dibekalkan oleh FELDA kepada Peneroka untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipannya sebagaimana yang dikehendaki untuk memajukan Kawasan Rancangan.

7. Peneroka bersetuju bahawa dalam masa Kawasan Rancangan dimajukan iaitu sehingga genapnya 3 tahun kelender selepas keselurohan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil atau sehingga genapnya tahun kelender selepas tarikh 'Titik Pulang Modal', iaitu mana yang terkemudian segala pendapatan daripada jualan buah sawit yang dikeluarkan dari Kawasan Rancangan akan digunakan untuk membayar supaya dikurangkan perbelanjaan memajukan Kawasan Rancangan atau tanggongan-tanggongan Peneroka kepada FELDA mengikut perjanjian ini. Titik Pulang Modal berimakna satu keadaan dalam jangka masa dimana jumlah pendapatan kawasan peringkat rancangan untuk masa itu adalah sama atau melebihi semua perbelanjaan memajukan kawasan tersebut dan lain-lain bayaran yang ditanggong oleh Peneroka termasuk pendapatan minima yang patut diterima olehnya untuk tempoh masa yang sama.

8. Peneroka akan patuh kepada mana-mana peraturan dan-perentah yang dibuat oleh FELDA dari masa kesesama dan undang-undang kecil yang dibuat dibawah undang-undang tersebut sebagaimana yang dipinda dari masa kesesama; dan jika Peneroka melanggar peraturan dan perentah atau undang-undang kecil tersebut atau tidak menjalankan mana-mana tanggong-jawab yang terkandong dalam perjanjian ini, FELDA adalah berhak perkehendakkan Peneroka dan keluarganya meninggalkan Kawasan Rancangan dengan serta merta atau mengambil tindakan yang lebih ringan daripada itu dimana sesuai, dan Peneroka akan patuh kepada apa-apa perputusan yang dibuat oleh FELDA.

9. Jika sekiranya FELDA berpendapat niemandang kepada kelakuan dan perangai Peneroka atau kelakuan dan perangai seseorang dari keluarganya yang tinggal bersama-sama dalam Kawasan Rancangan, Peneroka tidak layak untuk terus tinggal dan mengambil bahagian didalam kerja memajukan Kawasan Rancangan atau jika sekiranya dengan adanya dia atau keluarganya disitu menghalang pembangunan Kawasan Rancangan secara tenteram dan teratur, FELDA bolch berkehendakan Peneroka dan keluarganya meninggalkan Kawasan Rancangan dan Peneroka mestilah menerima keputusan FELDA sebagai muktamad dan akan serta nieta meninggalkan Kawasan Rancangan bagaimana yang dikehendaki.

10. Adalah dengan tegasnya dipersetujui oleh Peneroka bahawa jika sekiranya ianya dikeluarkan dari Kawasan Rancangan kerana melanggar alur Perjanjian ini atau syarat-syarat pendudukan FELDA tiada akan membayar apa-apa pampasan kepada Peneroka, melaikin pampasan yang mungkin dibayar mengikut seksyen 23 Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960, sebagaimana dipinda dari inasa kesemasa.

11. Seceiah Perjanjian ini ditandatangani, FELDA akan menguntukkan kepada Peneroka sebahagian Kawasan Rancangan lebihkurang $\frac{1}{4}$ ekar sebagai lot rumah, dengan sebuah rumah yang siap dibina diatasnya.

12. Bagi maksud memajukan Kawasan Rancangan, FELDA akan membayar kepada Peneroka biaya hidup sekurang-kurangnya bagi kerja selama lapan jam setiap hari. Bagi niaksud nimenbolahkan Peneroka mendapat biaya hidup yang mencukupi tiap-tiap bulan, FELDA akan dengan seberapa boleh memberi jaminan yang Peneroka akan mendapat kerja sekurang-kurangnya 25 hari dalam sebulan. Sekiranya FELDA tiada boleh mengadakan 25 hari kerja sebulan kepada Peneroka seperti yang tersebut diatas FELDA akan memberi kepada Peneroka bayaran sekurang-kurangnya sebanyak setiap dengan syarat Peneroka bersetuju bekerja dalam apa-apa projek ekonomi yang diluluskan oleh FELDA KECUALI jumlah bilangan hari kerja yang mungkin diberi itu tidak lebih daripada perbezaan diantara 25 hari kerja yang dijanjikan oleh FELDA untuk Peneroka, dan bilangan hari kerja yang dapat FELDA mengadakannya.

13. Jika sekiranya Peneroka uzur atau tidak dapat kerja selama yang dijanjikan oleh FELDA mengikut Fasal 12, FELDA akan memberi kepada Peneroka, pinjaman persendirian sebanyak setiap KECUALI pinjaman persendirian yang diberi tidak lebih daripada perbezaan diantara jumlah wang yang boleh didapat oleh Peneroka sebulan jika ia bekerja selama 25 hari, dan biaya hidup yang diperolehi oleh Peneroka bagi bulan itu dan KECUALI jumlah pinjaman persendirian yang diberi itu tidak lebih daripada sebulan.

14. Jika pada akhir genapnya 3 tahun kelender selepas keseluruhan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil, atau pada akhir genapnya tahun kelender selepas tarikh 'Titik Pulang Modal', iaitu mana yang terkemudian, kerja yang dibuat oleh Peneroka didapati menuaskan dan Peneroka tiada melanggar apa-apa cara dan syarat Perjanjian ini, FELDA akan mengikat sati perjanjian lagi dengan Peneroka dengan cara-cara dan syarat-syarat yang ditentukan dalam naskah tambahan yang dikembangkan disini dan ditandakan 'Lampiran A' (kemudiannya disebut 'Perjanjian Tambahan').

15. Apabila Perjanjian Tambahan ditandatangani, Lembaga akan mendatarkan Peneroka sebagai seorang penduduk yang akan dikurniakan surat Hakmilik bagi satu kawasan yang tidak dibelah bahagi seluas lebihkurang ekar daripada Kawasan Rancangan yang ditanam dengan sawit dan lebih kurang $\frac{1}{4}$ ekar daripada Kawasan Rancangan untuk lot rumah.

16. Peneroka dengan tegasnya bersetuju bahawa untuk membayar kembali pinjaman persendirian yang diberi dibawah Fasal 12 dan 13 dalam Perjanjian ini dan untuk mengira bayaran-bayaran tahunan yang disatukan dan lain-lain bayaran yang dikenakan ke atas Peneroka mengikut syarat-syarat Perjanjian Tambahan, penyata yang disediakan oleh FELDA atau Pegawai yang diberi kuasa oleh FELDA mengenai jumlah wang itu, adalah muktamad dan tidak boleh ditakwil lagi (kesilapan dan ketenggalan dikecualikan).

17. Jika ada soal atau perselisihan berbangkit antara pihak-pihak yang berkenaan disini atau wakil mereka masing-masing mengenai Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya atau bentuk susunannya atau hak-hak kewajipan-kewajipan atau tanggongjawab-tanggongjawab dibawa ini atau apa-apa perkara lain yang berbangkit daripada atau b-rhubung dengannya, pihak-pihak yang mengikuti perjanjian ini bersetuju merujukkan perkara ini kepada timbang-antara Menteri yang bertanggongjawab bagi FELDA; dan rujukan tersebut adalah disifatkan sebagai pencerahan kepada timbang-antara mengikut aturan-aturan Undang-undang Timbangantara, 1950 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa dan Menteri tersebut berhak menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada penimbangantara-penimbangantara oleh Undang-undang tersebut dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri adalah muktamad.

SEBAGAI MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI pihak-pihak yang mengikuti perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada tarikh dan tahun yang tertulis diatas tadi.

DITANDATANGANI oleh
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
dinadapan:

DITANDATANGANI oleh PENEROKA
dihadapan:

PERJANJIAN dibuat pada haribulan 19 ANTARA LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dibawah Undang-undang Kemajuan Tanah No. 20/1956 dan mempunyai pejabat berdaftar di Jalan Maktab, Kuala Lumpur (kemudian daripada ini disebut 'FELDA') bagi satu pihak dan Nombor Kad Pengenalan berailamat (kemudian daripada ini disebut 'Peneroka') bagi pihak yang satu lagi:

BAHAWASANYA mengikut Perjanjian yang diperbuat antara FELDA dengan Peneroka pada haribulan 19 FELDA telah membentarkan Peneroka mendudu tanah yang dinamakan Rancangan FELDA (kemudian daripada ini disebut 'Kawasan Rancangan') di Daerah dalam Negeri mengikut aturan-aturan Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda oleh Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) (Pindaan) 1965, selepas ini disebut 'Undang-undang tersebut'.

DAN BAHAWASANYA adalah juga ditentukan dalam Perjanjian itu bahawa jika pada akhir genapnya 3 tahun kelender selepas keseluruhan Kawasan Rancangan mengeluarkan hasil atau pada akhir genapnya tahun kelender selepas tarikh 'Titik Pulang Modal' iaitu yang mana terkemudian, kerja-kerja yang dibuat oleh Peneroka didapati memuaskan dan Peneroka tiada melanggar cara-cara dan syarat-syarat Perjanjian yang tersebut dahulu, FELDA akan mengikat satu Perjanjian dengan cara-cara dan syarat-syarat yang tersebut kemudian daripada ini dan akan mendaftarkan Peneroka sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik bagi satu kawasan yang tidak dibelah bahagi dalam Kawasan Rancangan seluas lebihkurang ekar ditanam dengan pokok sawit dan satu kawasan seluas lebihkurang $\frac{1}{4}$ ekar untuk lot rumah.

DAN BAHAWASANYA setelah tamat tempoh tersebut FELDA mendapat kerja-kerja yang dibuat oleh Peneroka memuaskan dan Peneroka tiada melanggar cara-cara dan syarat-syarat Perjanjian yang tersebut dahulu.

DAN BAHAWASANYA adalah ditentukan oleh seksyen 35(2) Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960, sebagaimana dipinda oleh Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) (Pindaan) 1965, bahawa mengenai Kawasan Penempatan Beramai-ramai yang diusahakan secara bersama tiada siapa selain daripada ahli sebuah Syarikat Kerjasama yang akan didaftarkan sebagai pemegang yang kelak dikurniakan surat Hakmilik.

DAN BAHAWASANYA Kawasan Rancangan akan dimajukan sebagai Kawasan Penempatan Beramai-ramai Kerjasama dan Peneroka ialah seorang ahli Syarikat Kerjasama yang ditubuhkan oleh Lembaga bagi Kawasan Rancangan.

OLEH ITU DENGANINI ADALAH DIPERSETUJUKAN seperti yang tersebut dibawah ini:

1. Dengan pertimbangan cara-cara dan syarat-syarat yang ternyata kemudian daripada ini, FELDA selepas ditandatangani Perjanjian ini akan mendaftarkan Peneroka sebagai seorang penduduk yang kelak dikurniakan surat Hakmilik mengikut seksyen 35(4) dalam Undang-undang Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 sebagaimana yang dipinda dari masa kesemasa, mengenai satu kawasan seluas lebihkurang ekar dalam Kawasan Rancangan yang bertanam dengan pokok sawit dan satu kawasan seluas lebihkurang $\frac{1}{4}$ ekar dalam Kawasan Rancangan untuk lot rumah KECUALI FELDA, dengan mendaftarkan Peneroka sebagai seorang yang kelak dikurniakan surat Hakmilik sebagaimana yang tersebut diatas, tidak boleh dianggap pada masa pendaftaran itu, sebagai menguntukkan mana-mana kawasan kepada Peneroka mengenai kawasan seluas lebih kurang ekar yang bertanam dengan pokok sawit itu.
2. Peneroka bersetuju bahawa selagi belum selesai dibayar semua bayaran-bayaran tahunan yang disatukan dan semua pinjaman persendirian yang diberikan kepadaanya oleh FELDA dan selagi pentadbiran Kawasan Rancangan belum diserahkan oleh FELDA kepada Kerajaan Negeri, kawasan-kawasan yang mana dia didaftarkan sebagai penduduk yang kelak dikurniakan Surat Hakmilik menurut Fasal I Perjanjian ini mestilah diurus dan ditadbirkan oleh FELDA.
3. Peneroka akan membayar kepada FELDA bayaran tahunan yang disatukan yang sepatutnya dibayar kepada FELDA dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang dikenakan dibawah Undang-undang tersebut dan terhadap bayaran itu FELDA adalah berhak membuat potongan-potongan sebagaimana yang difikirkan patut olehnya daripada hasil jualan Buah Sawit yang dikeluarkan dari Kawasan Rancangan bahagian Peneroka. Bayaran tahunan yang disatukan akan dikira mengikut perbelanjaan yang dikeluarkan (dan faedah atasnya) oleh FELDA bersabit dengan:—

